

Penggunaan Ganja Dalam Rawatan Penyakit Mental: Tinjauan dari Perspektif Hukum Syarak dan Perundangan di Malaysia

The Use of Cannabis in The Treatment of Mental Illness: A Review from the Perspective of Shariah Law and Legislation in Malaysia

Zaini Yusnita Mat Jusoh

Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UIS
zainiyusnita@kuis.edu.my

Zanariah Dimon

Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UIS
zanariah@kuis.edu.my

Abdul Hakim Baharuddin

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UIS
abdulhakim@kuis.edu.my

Asma' Abdul Halim

asmaabdulhalim20@gmail.com

ABSTRAK

Masyarakat umum mempercayai bahawa ganja boleh memudaratkan kesihatan dan menyebabkan seseorang berkahyal. Walau bagaimanapun, ramai tidak mengetahui bahawa ganja juga mempunyai peranan yang penting dalam bidang perubatan di negara-negara tertentu. Terdapat kajian di luar negara yang mendapati bahawa ganja boleh meningkatkan selera makan orang yang menghadapi HIV dan mengurangkan kesakitan kronik serta kekejangan otot. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan penggunaan ganja dalam rawatan perubatan di Malaysia berikutan larangan undang-undang berkaitan ganja sebagaimana peruntukan dalam Seksyen 6B(1)(a) Akta

Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952. Dari aspek hukum syarak pula, pihak Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam menyatakan kesediaan untuk bermuzakarah tentang isu ganja dalam bidang perubatan kerana agama Islam tidak melarang atau menyekat apa-apa perbincangan yang membawa kebaikan kepada umatnya. Mufti Pulau Pinang sendiri telah memberikan pendapat bahawa penggunaan tumbuhan semula jadi seperti ganja dalam perubatan adalah harus jika tidak mengancam keselamatan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti kewajaran penggunaan ganja dalam bidang perubatan, khususnya sebagai rawatan alternatif untuk merawat penyakit mental menurut perspektif hukum syarak dan undang-undang. Tinjauan awal mendapati tidak banyak kajian lepas di dalam jurnal ilmiah, artikel prosiding mahupun di dalam media massa yang membincangkan tentang isu ini. Justeru, penulisan ini bertujuan membuat tinjauan awal mengenai kewajaran penggunaan ganja dalam rawatan penyakit mental dari perspektif hukum syarak dan undang-di Malaysia. Mengguna pakai pendekatan kajian kualitatif dan data diperolehi melalui analisis dokumen dan perpustakaan, penulisan ini mendapati bahawa walaupun terdapat kebenaran penanaman ganja bagi tujuan penyelidikan, pembelajaran, eksperimen atau perubatan, namun tertakluk kepada syarat-syarat dan terma yang ditetapkan dalam undang-undang dan hukum syarak.

Kata Kunci: Ganja, perubatan, penyakit mental, undang-undang, syarak

ABSTRACT

The general public believes that marijuana can be harmful to health and cause a person to trance. However, many do not know that cannabis also has an important role in the field of medicine in certain countries. There are studies overseas that have found that cannabis can increase the appetite of people with HIV and reduce chronic pain and muscle spasms. However, there are restrictions on the use of cannabis in medical treatment in Malaysia due to the prohibition of cannabis-related laws as stipulated in Section 6B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 and the Poisons Act 1952. From the aspect of Shariah Law, the Fatwa Committee of the National Council For Islamic Religious Affairs expressed willingness to discuss the issue of cannabis in the medical field because Islam does not prohibit or restrict any discussion that brings good to its people. The Mufti of Penang himself has given the opinion that the use of natural plants such as cannabis in medicine is necessary if it does not threaten safety. In connection with that, this study was carried out to identify the propriety of using cannabis in the medical field, especially as an alternative treatment for treating mental illness according to the perspective of Islamic law and the law. An initial survey found that there are not many past studies in scientific journals, proceedings articles or in the mass media that discuss this issue. Thus, this writing aims to make a preliminary review on the propriety of using cannabis in the treatment of mental illness from the perspective of Islamic law

and law in Malaysia. Using a qualitative research approach and data obtained through document and library analysis, this writing found that although there is permission to grow cannabis for the purposes of research, learning, experimentation or medicine, it is subject to the conditions and terms stipulated in the law and Islamic law.

Keywords: Cannabis, medicine, mental illness, law, Shariah

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), ganja ialah sejenis tumbuhan yang daun dan bunganya yang kering dihisap seperti tembakau sebagai dadah yang mengkhayalkan. Merujuk kepada definisi “kanabis” yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, “kanabis bermaksud mana-mana bahagian tumbuhan jenis kanabis yang didapati terdapat resin atau damar tanpa mengira kuantitinya dan dengan apa jua nama tumbuhan itu ditetapkan”. Tumbuhan kanabis mengandungi lebih daripada 460 jenis bahan kimia yang dinamakan *cannabinoid*. Tiga bahan kimia utama yang memberikan kesan kepada manusia dan mempunyai kepentingan perubatan ialah *tetrahydrocannabinol* (THC), *cannabinol* (CBN) dan *cannabidiol* (CBD). THC dan CBN mempunyai kesan psikoaktif manakala CBD tidak mempunyai kesan tersebut. Bahan-bahan ini didakwa dapat meningkatkan selera makan, mengurangkan loya, mengurangkan kesakitan kronik bagi pesakit kanser, radang, masalah kawalan otot dan sebagainya (KKM, 2020).

Dadah jenis ini mempunyai pelbagai nama mengikut tempat. Misalnya di Malaysia ia dikenali sebagai ganja, di Eropah pula terkenal dengan nama marijuana dan di Timur Tengah dadah jenis ini dipanggil sebagai hashish. Dadah ini diperbuat daripada pokok kanabis yang banyak ditanam di Amerika Latin, Asia, dan Timur Tengah. Di Malaysia, penanaman pokok ganja telah diharamkan dan salah di sisi undang-undang. Dadah jenis kanabis ini amat popular kerana penggunaannya yang mudah dan murah. Pengguna hanya perlu menghisapnya seperti rokok dan ia tidak mendatangkan ketagihan dari aspek fizikal, tetapi dari sudut psikologi (psychological habits) ia menyebabkan berlakunya sindrom tarikan psikologi (psychological withdrawal syndrome) seperti anxious, paranoid dan amnesia (Ariffin, 2016).

Terdapat kajian di luar negara yang mendapati bahawa ganja boleh meningkatkan selera makan orang yang menghadapi HIV dan mengurangkan

kesakitan kronik serta kekejangan otot (McEwen J. A, 2007). Antara negara luar yang membenarkan penggunaan ganja dalam rawatan perubatan ialah Austria, Kanada, Finland, Jerman, Itali dan Belanda. Di Timur Tengah, Lubnan menjadi negara Arab pertama yang menghalalkan ganja untuk kegunaan perubatan dan perindustrian pada tahun 2020. Contoh negara lain yang membenarkan penggunaan ganja dari sudut perundangan ialah Australia (Narcotic Drugs Amendment Act, 2016). Pada November 2016, Kerajaan Persekutuan Australia meluluskan undang-undang yang membolehkan rangkaian produk berasaskan ganja dipreskripsi sebagai ubat tidak berdaftar dengan menggunakan Akses Khas dan Skim Preskripsi (McEwen J. A, 2007).

Walau bagaimanapun, ganja adalah termasuk dalam kategori dadah yang diharamkan di Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952. Ganja juga diperuntukkan dalam Akta Racun 1952 sebagai sejenis racun dan dikategorikan sebagai dadah berbahaya. Isu penggunaan ganja sebagai kaedah perubatan di Malaysia mula dibangkitkan apabila terdapat kes-kes pendakwaan yang melibatkan penanaman ganja bagi tujuan rawatan penyakit khususnya penyakit mental. Sebagai contoh, dalam kes *Muhammad Lukman Mohamad lwn. Public Prosecutor* [2021] 4 MLJ 498 pada tahun 2018 dan terkini pada tahun 2022, pendakwaan kes terhadap penyanyi dan komposer, Yassin Sulaiman atas alasan yang sama. Situasi tersebut menimbulkan perbincangan oleh pihak-pihak yang berkepentingan menyarankan supaya Kerajaan Malaysia menghalalkan ganja bagi tujuan perubatan dan menjadikan Malaysia antara negara-negara Asia terawal yang berbuat demikian. Semasa sesi perbahasan Rancangan Malaysia Ke-12 yang lepas, Ahli Parlimen Syed Saddiq mencadangkan kajian semula berkenaan penggunaan ganja dalam perubatan khususnya sebagai rawatan perubatan alternatif bagi mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental. Mantan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin pada masa itu juga menegaskan bahawa tiada halangan berkenaan penggunaan produk kesihatan berasaskan ganja dengan kebenaran.

Manakala dari aspek hukum syarak, tiada nas yang jelas dan khusus daripada Al-Quran dan hadis yang menyatakan tentang pengharaman dadah dan jenis-jenisnya. Ini kerana, ia hanya ditemui dan digunakan oleh orang Islam pada kurun ke tujuh Hijrah (Abdul Ghani & Adam, 2014). Oleh itu, pengharaman dadah adalah berdasarkan dalil qias kepada larangan arak kerana ia memberikan kesan yang sama iaitu mabuk atau hilang akal. Selain itu, terdapat larangan secara umum daripada hadis Nabi SAW terhadap

penggunaan sesuatu yang memabukkan (Mohd Noor & Ghazali, 2010). Namun begitu, hukum sesuatu bahan yang dikaitkan dengan dadah perlulah ditentukan secara spesifik iaitu dengan melihat kesannya kepada pengguna. Justeru, kertas kerja ini bertujuan meninjau dari perspektif hukum syarak dan peruntukan undang-undang di Malaysia berkaitan kewajaran penggunaan ganja sebagai kaedah rawatan dalam perubatan khususnya untuk merawat penyakit mental.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan fokus kajian dari aspek hukum syarak dan perundangan. Dokumen-dokumen yang digunakan bersifat primer dan sekunder terdiri daripada artikel jurnal, prosiding, kertas kerja persidangan dan undang-undang. Dokumen-dokumen tersebut diteliti dan dinilai bagi melengkapkan data kajian serta dianalisis secara induktif sebelum membuat rumusan dan dapatan. Objektif kajian adalah membuat tinjauan awal dari perspektif hukum syarak dan undang-undang semasa di Malaysia terhadap kewajaran penggunaan ganja dalam perubatan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai penggunaan ganja dalam perubatan dari perspektif hukum syarak dan peruntukan undang-undang di Malaysia dengan mengemukakan autoriti daripada dalil-dalil dan nas berkaitan, peruntukkan perundangan serta pandangan pihak-pihak yang berkepentingan hasil penulisan-penulisan dalam kajian-kajian yang lepas.

Amalan Penggunaan Ganja dalam Perubatan Di Malaysia

Sehingga kini, masih belum ada undang-undang yang jelas mengenai kebenaran penggunaan ganja dalam kalangan individu atau masyarakat awam sebagai rawatan alternatif bagi perubatan di Malaysia. Setakat ini, tiada produk berasaskan ganja untuk kegunaan rawatan perubatan manusia yang berdaftar di Malaysia. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang merupakan pihak bertanggungjawab untuk mendaftarkan produk di Malaysia pernah mendaftarkan satu produk berasaskan kanabis iaitu Sativex® pada tahun 2014. Namun begitu, atas permintaan pihak syarikat sendiri, pendaftaran produk ini telah dibatalkan pada tahun 2017. (KKM, 2020).

Menurut undang-undang di Malaysia, produk berasaskan ganja untuk kegunaan rawatan perubatan manusia perlu didaftarkan sebelum boleh dikilang, dijual, dibekal, diimport, dimiliki atau diadministrasi di Malaysia. Keperluan pendaftaran ini diperuntukkan dalam Peraturan 7 di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang dibuat di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Kegagalan mematuhi keperluan ini merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen 12 Akta Jualan Dadah 1952 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. (KKM, 2020).

Ia berbeza dengan amalan di United Kingdom dan beberapa negara Barat yang lain, bersama-sama dengan kelonggaran perundangan dan kelaziman pandangan bahawa ganja adalah sejenis ubat yang 'tidak berbahaya', penggunaannya telah meningkat secara mendadak dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kaedah alternatif dalam rawatan (Atakan, 2018). Menurut Mathre (1997), tumbuhan kanabis sememangnya mempunyai faedah terapeutik dan boleh mengurangkan penderitaan jika berjuta-juta orang yang mengidap pelbagai penyakit seperti AIDS, kanser, glaukoma, sklerosis berganda, kecederaan saraf tunjang, gangguan sawan, sakit kronik dan penyakit lain. Walau bagaimanapun, secara umumnya, kajian menunjukkan bahawa belum ada data yang jelas mengenai penggunaan ganja sebagai kaedah rawatan dalam sektor perubatan di Malaysia.

Penggunaan Ganja Sebagai Rawatan Alternatif Bagi Penyakit Mental

Terdapat kemungkinan penggunaan ganja meningkatkan risiko untuk mendapat penyakit mental. Terdapat juga bukti yang menunjukkan hubungan antara penggunaan ganja dan perkembangan kemurungan. Malah individu yang memulakan penggunaan ganja pada usia muda berisiko lebih tinggi untuk mengalami gangguan psikotik. Penggunaan ganja adalah lebih kerap di kalangan orang yang mengalami penyakit mental yang teruk berbanding orang awam. Ia mempunyai kesan buruk terhadap perkembangan penyakit, kesihatan fizikal dan kehidupan sosial pengguna, serta menjadi beban kewangan kepada perkhidmatan kesihatan. (Moore et al., 2007)

Penyakit mental menurut portal rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia adalah penyakit yang melibatkan gangguan pada fungsi otak yang boleh menyebabkan perubahan kepada proses pemikiran, perasaan dan

tingkah-laku seseorang yang mengakibatkan gangguan untuk menjalani aktiviti seharian dengan baik.

Menurut kajian Atakan (2018), erdapat juga laporan yang mengatakan bahawa ganja menghilangkan perasaan kemurungan. Schofield et al (2006) pula mencadangkan bahawa terdapat hubungan antara penggunaan ganja dan penyakit mental yang menunjukkan tiga motif utama untuk digunakan: untuk berehat dan mengurangkan kebosanan; untuk bersosial; dan untuk menikmati perasaan khayal atau untuk meningkatkan mood positif.

Manakala, kajian Lev Ran et. al (2013) mendapati terdapat kepentingan pemantauan yang betul bagi penggunaan ganja yang kerap terutamanya dalam kalangan individu yang mempunyai penyakit mental, dan memfokuskan usaha pencegahan dan rawatan kepada pesakit mental.

Menurut Mathre (1997), tumbuhan kanabis sememangnya mempunyai faedah terapeutik dan boleh mengurangkan penderitaan berjuta-juta orang yang menghidap pelbagai penyakit seperti AIDS, kanser, glaukoma, sklerosis berganda, kecederaan saraf tunjang, gangguan sawan, sakit kronik dan penyakit lain. Individu yang mengalami penyakit mental mengambil lebih banyak ganja sebagai kaedah rawatan sendiri dan alternatif bagi gejala psikiatri (Khanztian, 1997). Kajian semasa memberikan bukti lanjut tentang perkaitan kuat antara penggunaan ganja dan pelbagai penyakit mental primer. Ini menekankan kepentingan pemeriksaan yang betul untuk penggunaan ganja yang kerap di kalangan individu yang mempunyai penyakit mental kronik dan memfokuskan usaha pencegahan dan rawatan kepada golongan ini (Atakan, 2018)

Penggunaan Ganja Menurut Perspektif Syarak

Dalam bahasa Arab, dadah dikenali sebagai *al-mukhaddarāt* dan *al-hashīshah*. *Al-Ḥashīshah* telah ditemui pada kurun keenam dan awal kurun ketujuh melalui seorang ketua perkumpulan tasawuf yang dikenali sebagai Haidar pada tahun 658 H. Syeikh itu telah memakan daun tersebut dan beroleh ketenangan, badan merasa cergas dan masalah yang dihadapi telah hilang akibat daripada kesan khayalan *al-ḥashīshah* (Usman, A. H., Wazir, R., Saleh, N., Awang, A. H., Sudi, S., & Rosman, 2020). Sebelum menghuraikan tentang dalil al-Quran dan al-Sunnah berkaitan dadah, perlu difahami terlebih dahulu berkaitan maqāsid al-sharī‘ah memandangkan kebanyakan literatur akademik berkaitan fenomena dadah telah diqiyaskan dengan perkataan *al-khamr* yang terdapat dalam al-Quran.

Pengharaman dadah dilihat kepada semua benda yang memabukkan adalah haram di sisi Islam, termasuklah semua jenis dadah sama ada dadah jenis baharu atau sebagainya. Ini kerana, penyalahgunaan dadah akan mengakibatkan kesan buruk dan mudarat yang amat besar kepada penagih. Bertambah jelas dengan adanya dalil-dalil yang menunjukkan tentang pengharaman dadah melalui kaedah qias illah terhadap pengharaman arak. Bahkan juga bukan setakat mendatangkan merosakkan kepada individu penagih itu sahaja, malah kerosakan ini mencakupi kerosakan kepada agama, bangsa dan negara memandangkan mereka merupakan aset berharga kepada masyarakat (Usman, A. H., Wazir, R., Saleh, N., Awang, A. H., Sudi, S., & Rosman, 2020).

Ibn ‘Asyur (2004) menyifatkan maqasid syariah sebagai makna dan hukum yang diambil perhatian oleh syarak dalam seluruh hal ehwal pensyariaan atau kebanyakannya, tanpa mengkhususkan mana-mana jenis hukum hakam syariat tertentu. Al-Fasi (1993) pula mentakrifkan maqasid syariah sebagai tujuan dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukum hakamnya. Manakala al-Raisuni (1995) memberikan makna maqasid sebagai tujuan-tujuan yang diletakkan oleh syariat untuk tujuan merealisasikan masalah hamba. Menurut al-Yubi (1998), maqasid ialah makna, hikmah dan seumpamanya yang dipelihara oleh syarak dalam pensyariaan, baik yang umum mahupun khusus, dengan tujuan merealisasikan masalah-masalah hamba. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa maqasid syariah ialah tujuan dan makna yang diletakkan oleh syarak untuk merealisasikan masalah hamba di dunia dan akhirat.

Pada asalnya, hukum menanam pokok ganja adalah harus sepertimana pokok ketum dan pokok-pokok yang lain. Tidak ada nas yang melarangnya bahkan ianya termasuk di dalam perkara-perkara mubahat (yang dibolehkan) untuk kegunaannya. Namun, meskipun hukum asalnya harus tetapi ianya boleh membawa kepada hukum yang haram jika terdapat faktor-faktor luar yang boleh membawa kepada sesuatu yang lebih mudarat. Misalnya, pohon anggur pada asalnya adalah diharuskan kerana ianya adalah dari jenis-jenis tumbuhan yang manusia boleh memperolehi manfaat darinya. Namun, penanaman anggur bagi tujuan komersial untuk dijadikan sebagai arak adalah diharamkan. Selain dari arak itu sendiri yang diharamkan oleh nas syarak, ianya juga boleh membawa kepada mudarat yang lebih besar kepada komuniti masyarakat baik dari segi kesihatannya mahupun sosio-ekonominya. (Zulkifli, 2016)

Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raf ayat 157:

وَيُجَلِّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَاَلَّذِينَ
آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

“...dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya”.

Meskipun tidak terdapat sebarang hukum dan larangan yang khusus dari al-Quran atau Hadis Rasulullah SAW tentang larangan mendekati dan menggunakan dadah, namun secara tersiratnya, di dalam al-Quran melalui ayat ini Allah SWT menegah hamba-hambanya untuk sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan (Usman, A. H., Wazir, R., Saleh, N., Awang, A. H., Sudi, S., & Rosman, 2020).

Begitu juga dalam surah al-Nisa' ayat 29, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا
أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”

Sementara itu, dari aspek hukum syarak juga, pihak Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam menyatakan kesediaan untuk bermuzakarah tentang isu ganja perubatan kerana agama Islam tidak melarang atau menyekat apa-apa perbincangan yang membawa kebaikan kepada umatnya. Mufti Pulau Pinang, Dr Wan Salim Mohd Noor telah memberikan pendapat bahawa penggunaan tumbuhan semula jadi, seperti ganja dalam perubatan adalah harus jika tidak mengancam keselamatan.

(Utusan Malaysia, 2022). Terkini, adalah keputusan yang dikeluarkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-116 yang bersidang pada 1 April 2019 telah membincangkan perkara berkenaan dengan Hukum Menggunakan Dadah Jenis Kanabis Bagi Tujuan Perubatan. Fatwanya adalah seperti yang berikut iaitu hukum menggunakan dadah jenis kanabis adalah haram kerana mendatangkan mudarat kepada tubuh badan manusia bertepatan dengan Kaedah Fiqh “Kemudaratan hendaklah dihilangkan”. Walau bagaimanapun, hukum menggunakan dadah jenis kanabis adalah harus bagi tujuan perubatan sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut: (a) mendapat kebenaran daripada pihak yang berautoriti; (b) mendapat pengesahan daripada dua (2) orang pakar perubatan; dan (c) tidak digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang. Sandaran keharusan penggunaan kanabis itu adalah berdasarkan Kaedah Fiqh “Keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang terlarang”.

Penggunaan Ganja Menurut Perundangan Di Malaysia

Di Malaysia, kanabis, kanabis resin, kanabis ekstrak dan kanabis tincture merupakan dadah berbahaya yang tertakluk kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 dan juga racun yang tertakluk kepada Akta Racun 1952. Sekiranya melibatkan produk berasaskan kanabis untuk kegunaan rawatan perubatan manusia, ia juga merupakan dadah dan produk yang tertakluk kepada Akta Jualan Dadah 1952. Akta-akta ini dan peraturan-peraturannya memperuntukkan kawalan ke atas pengendalian kanabis, antaranya pengimportan, pengeksportan, penjualan, pembekalan, pengilangan, penanaman, pemilikan dan penggunaan. (KKM, 2020)

Undang-undang di Malaysia telah menetapkan tiga jenis kesalahan yang diperuntukkan bagi kesalahan berkaitan dadah iaitu untuk kegunaan sendiri, pemilikan dadah dan pengedaran dadah. Antara peruntukan undang-undang berkaitan dengan pengawalan dadah berbahaya dan bahan-bahan psikotropik adalah Akta Pendaftaran Ahli-ahli Farmasi 1951, Akta Racun 1952 termasuk Peraturan Racun 1989, Akta Jualan Dadah 1985 termasuk peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Akta Dadah Berbahaya 1952 serta peraturan-peraturannya.

Manakala, penggunaan ganja sebagai perubatan alternatif khususnya bagi penyakit mental di Malaysia masih belum jelas, malah pengedar ganja juga berdepan dengan hukuman mati kerana memilikinya. Ini kerana, di

Malaysia, undang-undang telah mengharamkan penggunaan, pengedaran mahupun penanaman tumbuhan ganja yang membawa hukuman yang berat bagi mengelakkan kebarangkalian penyalahgunaannya. Semua bentuk ganja adalah dikategorikan sebagai dadah berbahaya seperti yang tertakluk di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Peruntukan ini telah menetapkan hukuman pemenjaraan terhadap pemilikan dadah seperti yang dijadualkan dalam akta berkenaan dan hukuman mati mandatori membabitkan kesalahan mengedar dadah di Malaysia. Selain itu, ganja juga disenaraikan sebagai sejenis racun yang tertakluk kepada Akta Racun 1952. Sekiranya sesuatu produk berasaskan tumbuhan ganja itu dikeluarkan bagi tujuan rawatan ataupun perubatan manusia, ia juga akan dikategorikan sebagai dadah dan produk yang termaktub di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Akta serta peraturan-peraturan yang disebutkan ini adalah bertujuan untuk mengawal ke atas pengendalian ganja seperti aktiviti mengimport, mengeksport, menjual, membekal, menghasilkan, menanam, memiliki dan menggunakannya.

Walau bagaimanapun, di sebalik penguatkuasaan peruntukan yang ketat ini, terdapat beberapa klausa perundangan yang membenarkan penanaman tumbuhan ganja ini untuk dijalankan dalam lingkungan tempatan dengan syarat-syarat yang ketat. Pengecualian terdapat dalam Seksyen 6B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 menyatakan bahawa Menteri Kesihatan mempunyai kuasa untuk memberikan kebenaran kepada mana-mana pegawai awam untuk menanam ganja bagi tujuan sama ada dalam bidang penyelidikan, pembelajaran, eksperimen atau perubatan dengan tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh ditetapkan dalam kebenaran tersebut. Pegawai awam dalam akta ini merujuk kepada individu yang berkhidmat di mana-mana institusi kerajaan dan memegang jawatan serta menjalankan tugas rasmi di pejabat itu sendiri seperti yang disebut di dalam Seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967. Segala permohonan untuk menanam ganja boleh dibenarkan kepada pegawai awam yang berkhidmat di institusi kerajaan bagi tujuan penyelidikan. Oleh itu, mana-mana orang awam mahupun syarikat swasta atau syarikat persendirian tidak dibenarkan menanam ganja menurut undang-undang tersebut. Syarat-syarat yang ketat ini adalah bagi memastikan tidak berlaku penyalahgunaan terhadap bahan tersebut dan boleh memudaratkan orang ramai.

Manakala terdapat syarat-syarat yang ketat dalam membenarkan penggunaan ganja dalam sektor perubatan. Antaranya, produk yang mengandungi ganja tersebut perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA) seperti yang ditetapkan oleh Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984

bawah Akta Jualan Dadah. Pengimport juga perlu mempunyai lesen dan permit import bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik, Akta Racun serta Akta Dadah Berbahaya. Manakala penjualan atau pembekalan runcit untuk rawatan perubatan bagi pesakit terpilih hendaklah dijalankan oleh pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 atau ahli farmasi berdaftar dengan lesen Jenis A kepada individu tertentu berdasarkan preskripsi yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

Justeru, menurut Kavietha Paramsivan et al. (2019), penggunaan ganja di Malaysia adalah dilarang dan penggunaan ganja dalam rawatan masih memerlukan kebenaran dari pihak berkuasa disebabkan oleh kekangan undang-undang sehingga kini. Namun, sekiranya perlu kepada kebenaran untuk menghalalkan penggunaan ganja, maka penggubalan undang-undang baharu atau pindaan undang-undang yang sedia ada bagi membenarkan penggunaan ganja dalam rawatan perubatan harus dibuat bagi kebaikan masyarakat terutamanya dari segi kesihatan.

Rumusan

Kajian merumuskan bahawa sehingga kini penggunaan ganja dalam bidang perubatan khususnya bagi rawatan penyakit mental masih belum dapat dilaksanakan disebabkan halangan perundangan. Walaupun terdapat fatwa yang mengharuskan penggunaannya jika memenuhi syarat-syarat, namun ia tidak boleh mengatasi peruntukan undang-undang mengenai pengharamannya kerana syarat yang terdapat dalam fatwa itu juga menyebut bahawa penggunaannya tidak boleh menyalahi undang-undang semasa di Malaysia.

Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar peruntukan ganja sebagai dadah berbahaya mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 perlu dipinda sekiranya pendirian kerajaan melalui Kementerian Kesihatan ingin membenarkan penggunaan ganja untuk tujuan perubatan khususnya dalam rawatan yang melibatkan masalah mental. Walau bagaimanapun, ia memerlukan kajian yang mendalam, menyeluruh dan terperinci bagi memastikan penggunaannya hanya untuk tujuan perubatan dan bukannya bagi tujuan lain yang tidak memberi manfaat malah memudaratkan penggunaannya. Kajian sangat penting bagi memastikan keselamatan dan keberkesannya kepada masyarakat. Bertepatan dengan fatwa penggunaan ganja bagi tujuan perubatan yang diharuskan dengan bersyarat iaitu tidak digunakan untuk tujuan yang tidak menyalahi undang-undang. Ini kerana jika penggunaannya dapat menghilangkan kemudatan, maka ia hanya dibenarkan setakat mana yang

diperlukan bersesuaian dengan kaedah fiqh keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara yang terlarang.

Hukum Syarak juga telah memberikan garis panduan yang jelas dalam penggunaan sesuatu yang diharamkan jika terdapat padanya darurat atau keperluan. Berdasarkan kaedah fiqh, keadaan mendesak (*darurah*) mengharuskan sesuatu yang haram dan keadaan mendesak perlu ditentukan kadarnya dalam penggunaan sesuatu yang haram. Justeru itu, penggunaan ganja sebagai satu bahan dalam rawatan penyakit perlulah melalui kajian yang mendalam dan mengikut syor dan pemantauan pihak yang berautoriti. Selain itu, jika terdapatnya bahan alternatif lain yang halal dan terdapatnya mudarat yang lebih besar dengan penggunaan ganja maka ia tidak harus digunakan .

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah hasil daripada kajian yang dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor (UIS) (GPIK) 2022 iaitu bagi kategori Geran Penyelidikan Intensif (GPI).

Rujukan

Akta Dadah Berbahaya 1952

Akta Racun 1952

Al-Ghazālī, A. H. (1993). *al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Tabariy, A. J. (1994). *Jami' al-Bayan 'An Ta'wili Ayi al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah

Ariffin, N. M. (2016). *Pengaruh Kesejahteraan Rohani Terhadap Kecenderungan Pengulangan Dadah Di Tujuh Pusat Khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (PKAADK) Di Malaysia . Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.*

Atakan, Z. 2018. Cannabis use by people with severe mental illness – is it important?. *Advances in Psychiatric Treatment* , Volume 14. Issue 6. November 2008. 423 – 431

Azman Mohd Noor & Mohd Al-Ikhsan Ghazali. (2010). Penyalahgunaan Dadah Dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Mati Ke Atas Penedar Dadah Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh* 7, 29-48.

E.J. Khantzian. 1997. The self-medication hypothesis of substance use disorders: a reconsideration and recent applications, *Harv Rev Psychiatry*, 4 (5) (1997). 231-244

Hehsan, M. R. 2015. Q & A Fiqh Perubatan. PTS Islamika.

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1242-irsyad-al-fatwa-ke-124-hukum-menanam-pokok-ketum-bagi-tujuan-perubatan-farmaseutikal>

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/1531-irsyad-usul-fiqh-siri-4-penjelasan-kaedah-fekah-hukum-berlegar-bersama-sama-illahnya-ketika-ia-ada-dan-tiada>

<https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/entri/soalan-lazim-kanabis-cannabis.html>

Kementerian Kesihatan Malaysia 2020. Soalan Lazim : Kanabis (Cannabis), 6 March 2020, Laman Portal Rasmi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia

Laman web Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MMHA)

<https://mmha.org.my/article-listing/bahasa-malaysia/cara-rawatan-penyakit-mental>

Mary Lynn Mathre, R.N. (1997) *Cannabis in Medical Practice: A Legal, Historical and Pharmacological, Overview of Therapeutic Use of Marijuana*, North Carolina

McEwen J. A, 2007. (McEwen J. A history of therapeutic goods regulation in Australia. Canberra: Commonwealth of Australia, 2007. Available at: <https://www.tga.gov.au/sites/default/files/history-tgeregulation.pdf>. Accessed 10 Oct 2019

Moore TH, Zammit S, Lingford-Hughes A, Barnes TR, Jones PB, Burke M, et al. 2007. Cannabis use and risk of psychotic or affective mental health outcomes: a systematic review. *Lancet*; 370(9584):319-28

New Straits Times, 2022.

<https://www.nst.com.my/news/nation/2022/05/798959/cannabis-effective-managing-bipolar-disorder-symptoms>

Paramsivan, K, Tengku Zainuddin, T.N.A & Rajamanickam, R. 2019. Penggunaan Ganja dalam Rawatan Perubatan di Malaysia dalam Undang-undang dan Etika Perubatan. Bangi: Penerbit UKM

Schofield, D., Tennant, C., Nash, L. et al. 2006. Reasons for cannabis use in psychosis. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, 40, 570–574.

Shaul Lev-Ran, Bernard Le Foll, Kwame McKenzie, Tony P. George, Jürgen Rehm. 2013. Cannabis use and cannabis use disorders among individuals with mental illness, *Comprehensive Psychiatry*. Volume 54. Issue 6. August 2013. 589-598.

Utusan Malaysia, 2022 <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/04/ganja-perubatan-jawatankuasa-fatwa-perlu-muzakarah-nilai-sudut-perubatan/>